

## **INTEGRATED STUDENT INFORMATION SYSTEM (ISIS) MENGIMPORT MAKLUMAT MURID DARI SISTEM MAKLUMAT MURID (SMM)**

---

Pengenalan :


Semua sekolah di Malaysia telah menggunakan Sistem Maklumat Murid, SMM yang dibekalkan oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia

Tujuan dokumen ini adalah sebagai panduan yang boleh digunakan untuk pengguna-pengguna ISIS mengimport maklumat murid dari SMM. Dengan cara ini banyak masa dapat dijimatkan dalam mengemaskini maklumat murid dalam ISIS.


Proses mengimport maklumat murid akan dijalankan mengikut kelas. Oleh itu adalah penting anda telah mengemaskini maklumat Kelas dan Tingkatan/Darjah dalam ISIS terlebih dahulu sebelum melaksanakan proses import maklumat murid dari SMM.

### **LANGKAH-LANGKAH YANG TERLIBAT SEWAKTU MENGIMPORT MAKLUMAT MURID**

1. Kemaskini maklumat Tahun, Kelas dan Tingkatan melalui modul Maklumat Asas dalam perisian ISIS
2. Kenalpasti folder dalam komputer anda di mana perisian SMM telah dipasang. Jika anda kurang pasti sila hubungi Guru Data di sekolah anda. Di kebanyakan sekolah SMM di pasang di dalam folder C:\HEM. Terdapat beberapa fail di dalam folder tersebut seperti di bawah :



3. Sila kenal pasti 2 fail berikut iaitu :



- Fail HEMVer3.mdb adalah fail aplikasi Access ( Dwiklik pada fail ini untuk memulakan SMM.
- Fail TMURID.txt adalah fail di mana maklumat murid akan disimpan oleh SMM sewaktu proses mengeksport maklumat dijalankan. Fail TMURID.txt adalah satu-satunya sahaja fail yang akan dibaca oleh ISIS.

4. Pada paparan depan Sistem Maklumat Murid (SSM) pilih menu sub menu Eksport dari menu utama Import/Eksport , Sekolah



5. Kotak dialog seperti di bawah akan dipaparkan:

The dialog box is titled 'Eksport Data'. It contains a warning message: 'Peringatan! Eksport Data. Proses ini akan memadamkan semua fail yang terdapat dalam disket sebelum proses eksport dilaksanakan!'. Below the warning, there are input fields for 'Kod Sekolah' (ARA2001), 'Nama Kelas', 'Darjah / Tingkatan', and 'Kelas'. There are buttons for 'Eksport Semua' and 'Batal'.

6. Pilih Tingkatan dan Kelas seperti contoh di bawah :

**Eksport Data**

**Peringatan!**

**Eksport Data**

Proses ini akan memadamkan semua fail yang terdapat dalam disket sebelum proses eksport dilaksanakan !

Kod Sekolah ARA2001 SBP INTEGRASI GOPENG


Nama Kelas T1 BIRUNI Kelas

Darjah / Tingkatan Darjah

Eksport Semua

Batal

7. Tekan butang Kelas dan proses pengeksportan data oleh SMM akan selesai apabila kotak dialog seperti di bawah dipaparkan.




[ Abaikan disket kerana kita tidak akan mengeksport data ke dalam disket ]




Maklumat  
pelajar


8. Buka perisian ISIS dan buka modul Maklumat Pelajar
9. Pilih Tahun, Tingkatan dan Kelas dan klik butang kanan tetikus





10. Klik pada menu Import dari SMM dan kotak dialog seperti di bawah akan dipaparkan





11. Klik butang  dan cari fail TMURID.txt yang terdapat dalam folder SMM.




Klik pada fail Tmurid.txt dan klik butang  . Previu maklumat murid yang akan diimport akan dipaparkan seperti di bawah :



12. Klik tombol  untuk memulakan import data.
13. Klik tombol Yes pada kotak dialog di bawah:



14. Proses mengimport data untuk kelas tersebut selesai apabila kotak dialog seperti di bawah dipaparkan.



15. Ulangi Langkah 4 hingga 14 untuk kelas selanjutnya.